


conference proceeding



Centre for Knowledge & Understanding of Tropical Architecture & Interior (KUTAI)
Centre for Islamic Thought & Understanding (CITU)
Faculty of Architecture, Planning & Surveying (FSPU)
Universiti Teknologi MARA (Perak)
<http://perak.uitm.edu.my/simpor9>



FSPU

PENGARUH KEDATANGAN ISLAM TERHADAP SENIBINA DAN ORNAMENTASI PADA RUMAH TRADISIONAL MELAKA

Fadhlina Ahmad^a, Raja Nafida Raja Shahminan^b, FawazulKhair Ibrahim^c,
Othman Mohd Nor^d

Fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia

Abstrak

Dalam kajian ini, penekanan akan diberikan terhadap pengaruh kedatangan agama Islam ke negeri Melaka. Seiring dengan ajaran agama Islam yang menggalakkan pencarian ilmu dalam kehidupan, kedatangan Islam telah sedikit sebanyak membuka fikiran orang Melayu terhadap tatacara kehidupan yang lebih baik sama ada dari segi fizikal ataupun spiritual. Proses pengislaman orang-orang Melayu telah membawa kepada sifat rasionalisme yang kemudiaannya membawa kepada penolakan terhadap unsur-unsur yang dipelajari daripada nenek moyang seperti unsur khurafat, dongeng, khayalan, fantasi dan dewa-dewa. Agama Islam juga menggalakkan unsur-unsur kemasyarakatan seperti persaudaraan, perpaduan, keamanan dan kasih sayang yang penting dalam sesebuah organisasi perkampungan. Hal ini kemudiannya memberi pengaruh terhadap senibina, orientasi, perletakan, rekabentuk, dan cara pembinaan serta ornamentasi pada sesebuah rumah tradisional Melaka.

Kata kunci: Pengaruh; kedatangan Islam; senibina; ornamentasi; rumah tradisional Melaka.

1. Pengenalan

Berdasarkan kajian terhadap sejarah lampau Tanah Melayu, negeri Melaka dikatakan menerima banyak pengaruh luar akibat daripada hubungan perdagangan, penjajahan serta migrasi penduduk luar ke negeri yang bersejarah ini. Menurut sejarah, negeri Melaka telah mengalami pelbagai fasa pentadbiran iaitu bermula sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka (pada tahun 1400 sehingga 1511), zaman penjajahan Portugis (tahun 1511 sehingga 1641), zaman penjajahan Belanda (tahun 1641 sehingga 1795), zaman penjajahan Inggeris (tahun 1795 sehingga 1957), zaman penjajahan Jepun (tahun 1942 sehingga 1945) dan juga zaman selepas merdeka, iaitu bermula pada tahun 1957 sehingga kini. (Raja Nafida, 2008).

Pengaruh Islam terus bertapak serta diasimilasi bersama-sama dengan kehidupan masyarakat Nusantara, sehinggalah ia dijadikan sebagai nilai cara hidup dalam semua aspek keperluan penganutnya. Berpandukan kepada konsep rasionalisme imilah masyarakat Nusantara dengan sendirinya menolak kepercayaan tahuul Hindu dan fahaman animisme (Abdullah Ishak, 1990). Tradisi animisme dan Hinduisme telah diganti dengan adat dan cara hidup Islam yang dilakukan sejak individu itu lahir di dunia hingga hari kematiannya. Pada hari ini, agama Islam telah menjadi tunjang utama dalam pembentukan ketamadunan Melayu. Agama Islam telah diterima sebagai agama rasmi negara, seterusnya majoriti penduduk menganut agama ini. Perkara 3 dalam Perlembagaan Persekutuan telah menyebutkan mengenai agama Islam sebagai agama rasmi negara. Walau bagaimanapun, kepercayaan dan tradisi lama tidak dihapuskan sama sekali selagi mana ia tidak bertentangan dengan agama Islam.

Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua, rumah tradisional pula merupakan sebuah binaan tempat tinggal yang bercorak tradisi atau turun-temurun, manakala dalam Kamus Dewan (edisi keempat) pula menyatakan mendefinisikan perkataan tradisi sebagai "suatu kebiasaan (adat, kepercayaan dll.) yang kekal turun temurun, sesuatu yang sudah menjadi amalan yang sudah sebat dengan sesuatu masyarakat (golongan, kumpulan dsbnya)."

2. Kedatangan Islam ke Melaka

Menurut Mahayuddin Yahaya, 1998, masih terdapat pertentangan pendapat di antara kalangan ahli-ahli sejarah mengenai tarikh sebenar kemasukan agama Islam ke Asia Tenggara. Sesetengah daripada mereka berpendapat bahawa kemasukan Islam bermula di sekitar abad pertama lagi semasa Nabi Muhammad s.a.w masih hidup, sementara ada yang menyatakan ianya bermula pada abad ketujuh, begitu juga pendapat yang mengatakan bermula dari abad kelapan dan sembilan.

Menurut data yang terdapat pada Muzium Islam Melaka, sejarah kedatangan Islam di negeri ini bermula apabila Parameswara memeluk agama Islam pada abad ke-15 dan mengahwini Puteri Raja Pasai yang juga telah memeluk agama Islam. Sejak menerima Islam, masyarakat Melayu Melaka dikatakan mempunyai bahasa dan kebudayaan sendiri yang lebih unggul daripada zaman sebelumnya. Walaupun Islam bukannya bertapak di Melaka, tetapi negeri ini telah diterima sebagai wilayah budaya dan politik penyebaran Islam yang penting. Peranannya sebagai pusat penyebaran Islam dipikul serentak dengan penubuhan dan perkembangan Kesultanan Melayu Melaka pada akhir kurun ke-14 dan awal kurun ke-15 sehingga Melaka tewas di tangan kuasa Portugis pada akhir tahun 917 Hijrah/ 1511 Masihi.

Faktor penyumbang kepada peranan tersebut adalah kedudukannya yang strategik sebagai pusat perdagangan, pusat ilmu pengetahuan Islam serta pemerintah yang berwibawa dalam meluaskan empayar Melaka. Zaman Kesultanan Melayu Melaka telah mengangkat martabat Islam sebagai agama dan ilmu yang dihayati oleh segenap lapisan sama golongan istana serta rakyat biasa.

Menurut sumber daripada Sulalatul Salatin (Sejarah Melayu), orang yang bertanggungjawab mengislamkan raja Melaka adalah Sayyid Abdul Aziz, iaitu seorang ulama berketurunan Arab yang berasal daripada Mekah. Beliau telah Berjaya mengislamkan ramai penduduk Melaka, termasuk raja, pembesar-pembesar serta rakyat jelata. Selain daripada beliau, dikatakan terdapat ramai lagi ulama serta mualigh yang berkunjung ke Melaka serta menyebarkan agama Islam di sini.

Dalam perkembangan sejarah, tamadun Melayu dikatakan semakin mantap dengan kedatangan agama Islam. Gabungan di antara tamadun Melayu dengan budaya yang dibawa oleh agama Islam mewujudkan interaksi yang saling melengkap di antara kedua-duanya. Hal ini dapat dilihat dalam proses asimilasi yang berlaku selepas kedatangan Islam itu sendiri, daripada segi cara hidup, kemasyarakatan serta kehidupan harian orang-orang Melayu khususnya. Sebelum menganut agama Islam, kebanyakannya daripada masyarakat orang-orang Melaka mengamalkan anamisme iaitu tidak mempercayai Tuhan. Penerimaan agama Islam di kalangan masyarakat Melayu adalah secara beransur-ansur tanpa melalui paksaan. Perkara ini adalah kerana tidak terdapat bukti sejarah yang menyatakan masyarakat Islam menerima kemasukan agama tersebut secara paksa. Hal ini juga bersesuaian dengan firman Allah s.w.t di dalam al-Quran yang bermaksud, "Tidak ada paksaan dalam agama (Islam)" dalam Surah al-Baqarah ayat 256. Islam akhirnya berkembang sama ada melalui dakwah secara lisan ataupun perkahwinan di antara pengikut Islam pada masa tersebut.

3. Pengaruh Kedatangan Islam Terhadap Senibina dan Ornamentasi Rumah Tradisional Melaka.

Terdapat dua jenis tipologi utama bagi rumah tradisional Melaka, sama ada rumah bertiang dua belas ataupun rumah yang bersaiz lebih besar iaitu rumah bertiang enam belas. Rumah bertiang dua belas mempunyai enam tiang yang tinggi dengan enam tiang lagi adalah untuk menampung bahagian serambi. Manakala bagi rumah bertiang enam belas pula, lapan tiang adalah bagi ruang tengah manakala lapan tiang lagi digunakan untuk menampung bahagian serambi. Kebanyakan rumah tradisional Melaka dahulunya mempunyai mempunyai tangga kayu pada bahagian hadapan rumah. Bagaimanapun, selepas mendapat pengaruh-pengaruh daripada luar negara, tangga rumah mula diubahsuai menjadi tangga konkrit, apabila keadaan ekonomi pemilik rumah mula stabil.

Menurut Abdul Halim Nasir di dalam bukunya yang bertajuk "The Traditional Malay House", 1996, walaupun Melaka mengalami kejatuhan akibat penjajahan yang berlaku secara berterusan sebelum mencapai kemerdekaan pada 1957, rumah-rumah tradisional Melayu Melaka masih mampu bertahan serta dipelihara, tidak

seperti di negeri-negeri lain (kecuali Negeri Sembilan) yang kebanyakannya telah mengalami kepupusan. Dalam erti kata yang lain, orang-orang Melayu di Melaka masih mampu memelihara warisan senibina nenek moyang mereka berabad lamanya. Walaupun terdapat sedikit unsur-unsur senibina yang baru dibawa daripada negara-negara barat, mereka masih memilih untuk mengekalkan adat tradisi mereka tanpa menghiraukan pengaruh-pengaruh luar.

Kajian ini merangkumi pengumpulan data serta analisa secara kajian lapangan terhadap rumah-rumah tradisional Melaka yang masih lagi bertapak di negeri tersebut pada masa kini. Kajian ini dibuat secara inventori daripada suatu rumah ke suatu rumah di seluruh pelosok negeri Melaka. Selain daripada kajian inventori/lapangan yang dibuat secara rambang di seluruh Melaka, terdapat juga data-data yang diperoleh daripada pihak Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) dan Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM). Sehingga ke hari ini, pihak PERZIM telah mewartakan sebanyak 56 buah rumah di seluruh Melaka manakala pihak KALAM telah menjalankan kajian terukur pada 13 buah rumah tradisional Melaka, selain daripada 107 buah rumah tradisional yang dikenalpasti melalui kajian inventori yang dijalankan pada tahun 2012. Keseluruhan sampel adalah sebanyak 176 buah rumah. Terdapat beberapa perhatian yang boleh dibuat mengenai pengaruh kedatangan Islam terhadap senibina rumah tradisional Melaka. Sampel bagi kajian inventori ini adalah rumah-rumah yang sudah berusia lebih daripada 50 tahun. Berikut merupakan ciri-ciri senibina rumah Melaka yang mengikuti kepada ajaran agama Islam yang dipraktikkan oleh orang-orang Melayu sejak turun-temurun :

3.1 Orientasi

Selepas kedatangan Islam, terdapat segelintir rumah masyarakat Melayu, walaupun bukan semua rumah mula dibina dengan menghadap kiblat. Hal ini adalah bagi menunjukkan kedaulatan agama Islam yang dipraktikkan oleh penghuni rumah tersebut. Hal ini boleh diperhatikan terutamanya pada rumah-rumah tradisi yang pemiliknya mempunyai jawatan penting dalam dakwah Islam, seperti imam, ustaz dan sebagainya (Syed Iskandar, 2001). Contohnya yang terdapat pada rumah milik Mohamad Anwar Hj Mohid di KM19, Kg. Belimbing Dalam, 76100 Durian Tunggal, Melaka. Menurut ceritanya, pemilik asal rumah ini iaitu Hj Mohamad @ Ahmad Hj Hassan adalah pengasas kepada sekolah-sekolah pondok di Malaysia pada waktu itu. Hal ini adalah kerana kedudukan beliau sebagai seorang kontraktor yang mempunyai hubungan baik dengan pembesar negeri pada waktu itu. Rumah beliau yang sudah berusia lebih daripada 100 tahun masih berdiri megah dan dibina menghadap kiblat. Di kawasan sisi rumah tersebut dahulunya dikatakan didirikan sekolah pondok untuk memberi pendidikan Islam kepada orang-orang kampung.



Gambarfoto 3.1 (a) Rumah milik Mohamad Anwar Haji Mohid yang dibina menghadap kiblat.

Gambarfoto 3.1 (b) Di kawasan sisi rumah merupakan tapak bekas sekolah pondok yang didirikan oleh pemilik asal rumah ini.

3.2 Perletakan

Agama Islam adalah agama yang mementingkan ukhwah di antara penganutnya. Hal ini adalah kerana mereka percaya bahawa kesemua manusia adalah bersaudara, iaitu anak cucu Nabi Adam a.s. Ajaran Islam menekankan mengenai keimanan sejati yang hanya akan wujud dengan adanya tali persaudaraan yang sebenar. Untuk membina perpaduan sesama umat Islam, Allah s.w.t menggambarkan bahawa setiap orang Islam itu bersaudara antara satu sama lain seperti firman Allah s.w.t yang bermaksud : “Sesungguhnya orang Mukmin itu bersaudara” (Surah Al-Hujurat : Ayat 10). Malahan terdapat juga perumpaan persaudaraan umat Islam adalah seperti bangunan yang saling menguatkan satu bahagian dengan bahagian yang lain membuatkannya ia kekal teguh, seperti dalam hadis ini;

“Dari Abu Musa ra. dia berkata: Rasulullah saw. bersabda: Seorang mukmin terhadap mukmin yang lain adalah seperti sebuah bangunan di mana bahagiannya saling menguatkan bahagian yang lain. (Shahih Muslim No.4684)”

Seiring dengan kehendak ajaran Islam juga, masjid mula dibina dan penempatan akan berkembang di sekitar masjid tersebut. Masjid ini asalnya dibina pada tahun 1920 dengan derma orang ramai. Kemudiannya pengubahsuaian telah dibuat oleh kerajaan pada tahun 1974. Menurut kajian inventori yang dijalankan, fenomena ini masih boleh dilihat di kampung Parit Melana di Alor Gajah, Melaka di mana masih terdapat banyak lagi rumah-rumah tradisional yang masih kekal sehingga sekarang. Rumah-rumah didirikan berdekatan antara satu sama lain yang menunjukkan perpaduan di antara penduduk kampung. Malahan kebanyakan penduduk kampung adalah terdiri daripada waris-waris dan saudara-mara yang terdekat.



Gambarfoto 3.2 (a) Foto lama rumah-rumah di Kampung Parit Melana, Alor Gajah. Sumber: <http://cintamenora.blogspot.com/2011/05/aku-anak-melaka.html>




Gambarfoto 3.2 (b) Masjid yang dibina sejak tahun 1920 menjadi permulaan kepada penempatan penduduk pada waktu itu.

Selain itu, sebagai penganut agama Islam, mereka juga diseru merayakan hari-hari kebesaran Islam seperti sambutan Maal Hijrah, maulidur rasul, Nuzul al-Quran, sambutan hari raya dan lain-lain perayaan. Perkara ini sedikit sebanyak membawa kepada perpaduan ummah di mana para penganut agama Islam akan bersama-sama meraikan hari tersebut. Kegiatan keagamaan diadakan seperti kuliah dan ceramah di masjid-masjid yang menjadi tempat tumpuan orang ramai. Perayaan dalam Islam disambut dengan penuh penghayatan seperti sambutan Hari Raya Haji dan Hari Raya Aidilfitri. Mereka sudah mula mempelajari al-Quran dan ilmu tafsir daripada ulama yang ada di Melaka ketika itu. Menerusi hal ini, ia telah dapat mengukuhkan ikatan persaudaraan antara sesama umat Islam sehingga galah ke hari sekarang.

3.3 Rekabentuk

Sebelum kedatangan Islam masyarakat Melayu mengamalkan adat tradisi warisan nenek moyang mereka. Apabila masyarakat Melayu mula menganuti ajaran Islam adat-adat dalam masyarakat Melayu mula diubahsuai supaya tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Adat masyarakat Melayu juga telah mengalami perubahan dengan kedatangan ajaran Islam di rantau ini. Selain daripada mengubah sistem kepercayaan kita, Islam juga telah mengenepikan adat yang dianggap bercanggah dengan akidah dan kepercayaan Islam. Dalam proses sosialisasi masyarakat Melayu, tradisi animisme dan Hinduisme telah diganti dengan adat Islam yang dilakukan sejak individu itu lahir sehingga hari kematianya.

Hal ini dapat dilihat terutamanya daripada segi pemisahan di antara kaum lelaki dan perempuan serta pemisahan di antara tetamu serta pemilik rumah. Rumah tradisional Melaka biasanya hanya mempunyai satu bilik tidur yang digunakan oleh penghuni rumah suami isteri. Loteng pula biasanya digunakan oleh anak-anak dara perempuan untuk berehat serta sekiranya terdapat majlis keraian. Hal ini adalah kerana Islam amat membataskan pergaulan di antara lelaki dan perempuan selagi mana mereka masih belum berkahwin. Daripada segi perancangan ruang, rumah dibahagikan kepada ruang serambi, rumah tengah, selang, dapur, loteng dan bilik tidur yang dapat menunjukkan pemisahan antara tetamu dan pemilik rumah. Tetamu luar biasanya akan dilayan di bahagian serambi terbuka.



Gambarfoto 3.3(a) Pelan tipikal rumah Melaka bertiang dua belas memperlihatkan pembahagian ruang-ruang pemisahan antara lelaki dan perempuan, serta pemilik dan tetamu.(Abdul Halim Nasir, 1996)

Gambarfoto 3.3(b) Pelan rumah Haji Muhammad bin Ahmad (1880) di KM 18 Kg. Serkam Tengah

Dari segi pembinaan bukaan seperti pintu dan tingkap, kebanyakan rumah tradisional Melaka mempunyai tiga pintu iaitu pada bahagian serambi, selang dan juga pintu dapur. Pintu hadapan biasanya digunakan oleh tetamu dan juga lelaki. Manakala pintu di bahagian selang dan dapur akan digunakan oleh kaum perempuan. Selain itu, rekabentuk tingkap juga berbeza di antara tingkap pada bahagian pengenalan rumah seperti di bahagian rumah ibu dan serambi dengan jenis tingkap pada bahagian selang dan dapur. Biasanya, tingkap labuh akan digunakan pada bahagian pengenalan rumah bagi memberi pengudaraan maksimum kepada rumah, manakala tingkap pada bahagian rumah ibu dan dapur pula direka agak tinggi dengan bentuk tingkap singkat. Hal ini juga bagi menjaga batasan oleh kaum perempuan, terutamanya batasan aurat yang menjadi amalan utama di dalam agama Islam.

3.4 Skala dan Perancangan

Perubahan sosial berlaku dengan adanya revolusi mental yang diketengahkan oleh Islam dan masyarakat. Beberapa aspek pemikiran yang wujud dapat membuktikan hakikatnya. Ajaran Islam mengandungi unsur-unsur rasionalisme, di mana Islam telah menekankan konsep persamaan taraf sesama manusia di sisi Allah s.w.t. Semua manusia adalah berasal dari Adam a.s. dan Adam a.s. dijadikan dari tanah. Hal ini pula dapat dilihat dari segi skala pembuatan rumah-rumah tradisional Melaka. Walaupun terdapat rumah yang dipunyai oleh mereka yang berpengaruh, tetapi saiz rumah bagi kebanyakan rumah tradisional Melayu adalah hampir sama dan tidak menunjukkan perbezaan yang besar di antara satu sama lain. Selain itu, rumah-rumah ini juga dibina dengan skala yang sederhana yang mempunyai proporsi manusia.

Islam telah mengangkat taraf manusia dan menyamakan kedudukan mereka di sisi Allah s.w.t, membentuk suatu sistem masyarakat yang saling mengasihi dan menghormati. Menurut fahaman agama Islam, kesemua manusia yang hidup di atas muka bumi ini mempunyai taraf yang sama, cuma dibezakan oleh iman dan taqwa yang terdapat dalam diri masing-masing. Islam tidak memandang status serta kedudukan seseorang di dalam masyarakatnya, sama ada orang tersebut terdiri daripada golongan atasan maupun bawahan. Sejak jauh dengan realiti tersebut, kedatangan Islam ke Alam Melayu menjadikan golongan bawahan mula mendapat perhatian dan penghormatan. Tiada lagi sistem kasta yang berasaskan ajaran agama Hindu diamalkan dalam masyarakat Melayu. Komunikasi antara kelompok masyarakat berjalan dengan baik menerusi sifat hormat-menghormati, bergotong-royong dan bantu-membantu.



Gambarfoto 3.3 (a) rumah Hj Mohamad@Ahmad Hj Hassan, (Kg. Belimbing Dalam, Alor Gajah) seorang kontraktor dan pembesar negeri pada zaman dahulu yang bersaiz sederhana.



Gambarfoto 3.3 (b) rumah Demang Jaafar bin Awang (Sg. Rambai, Jasin) yang dahulunya adalah seorang penghulu juga mempunyai saiz yang hampir sama dengan rumah-rumah orang biasa.



Gambarfoto 3.3 (c) rumah Nora Nordin (Kg. Pegoh Dalam) yang asalnya dimiliki oleh seorang penghulu juga mempunyai saiz sederhana.



Gambarfoto 3.3 (d) sebuah rumah milik seorang penghulu di Kg. Rim, Jasin yang mempunyai skala yang hampir sama.

Selain daripada itu, Islam turut menekankan kebersihan sebagai salah satu aspek yang dititikberatkan dalam agama ini. Sabda Rasulullah saw bermaksud: "Kebersihan adalah separuh daripada iman" (Riwayat Muslim). "Sesungguhnya Allah itu cantik (indah) dan bersih. Ia amat mencintai kepada perkara yang cantik (indah) dan bersih." (Riwayat Al Bazzar). Berdasarkan kajian inventori yang dibuat, kebanyakan rumah-rumah tradisional Melaka masih lagi mampu mengekalkan kebersihan serta kecantikan rumah yang didiami mereka, walaupun terdapat segelintir daripada rumah-rumah yang dikenalpasti mulai usang akibat dimamah usia. Hal ini dibuktikan melalui kajian lapangan yang dijalankan, di mana persekitaran rumah-rumah tradisional Melaka yang dikenalpasti kebanyakannya terdiri daripada halaman yang luas tetapi masih terjaga rapi. Kebiasaannya, terdapat pelbagai tanaman ditanam di sekeliling rumah terutamanya pokok-pokok bunga yang renek. Hal ini juga menggalakkan hubungan yang baik di antara manusia dengan alam, yang juga menjadi salah satu daripada matlamat di dalam ajaran Islam. Sabda Nabi S.A.W yang bermaksud: "Bersihkanlah (hiaskanlah dengan Lanskap) perkarian rumahmu dan jangan tiru orang Yahudi(yang tidak mahu membersihkan kawasan rumah-rumah mereka)" (Riwayat Al-Tarmizi)



Gambarfoto 3.4 (a) rumah Jasalina Hj Mat Jani Batu 20 ½, Jln Chinchin, Kg Terentang yang masih terjaga rapi walaupun sudah berusia lebih daripada 100 tahun.




Gambarfoto 3.4 (b) rumah Peah Ngah Pekok (1937) di KM 16, Kg Krubong, Melaka Tengah. Kelihatan halaman yang rapi ditanam dengan pelbagai tumbuhan.




Gambarfoto 3.4 (c) rumah Jaharah Hj Aman (1933) di Batu 21, Jln Chinchin, Kg Terentang yang juga masih rapi walaupun telah sedikit usang.



Gambarfoto 3.4 (d) rumah Norintan Aman yang sudah berusia lebih 100 tahun tetapi persekitarannya dijaga dengan rapi.



Gambarfoto 3.4 (e) rumah Haji Muhammad bin Ahmad (1880) di KM 18, Jalan Masai, Kampung Serkam Tengah yang mempunyai halaman yang luas dan ditanam pelbagai pokok. Sumber: KALAM



Gambarajah 3.4 (g) rumah Penghulu Salim (1915) di Batu 18, Kampung Sebatu, Merlimau juga memperlihatkan pelan tapak yang luas dan dikelilingi pokok-pokok. Sumber: KALAM

3.5 Cara Pembinaan

Contoh yang dapat dilihat adalah daripada tatacara semasa pembinaaan serta pertukangan rumah. Terdapat sejarah rumah-rumah pada masa dahulu yang dibina dengan menggunakan bomoh dan pawang serta jampi mentera dibacakan untuk memastikan rumah tersebut tahan lama. Bagaimanapun setelah Islam bertapak di dalam masyarakat, sedikit sebanyak perkara tersebut dipandang sebagai syirik dan mula ditinggalkan secara beransur-ansur. Menurut Syed Iskandar, 2001, oleh kerana komuniti mula mengamalkan serta mendalamai agama islam, pawang atau bomoh tidak mempunyai pilihan lain kecuali mematuhi kepercayaan masyarakat tersebut. Mereka juga mengamalkan fahaman islam serta menggunakan ayat-ayat al-Quran serta doa bagi menggantikan jampi seraph yang diamalkan sebelum kedatangan Islam.

Fahaman animisme dan budaya hindu Buddha telah dilupuskan secara beransur-ansur daripada amalan mereka. Doa mereka biasanya dimulakan dengan puji-pujian terhadap Allah s.w.t serta rasulnya. Oleh yang demikian, orang-orang melayu mula mengubah nama Sanskrit utk jampi kepada ‘doa’ untuk ajaran Islam (Syed Iskandar, 2001).

Dalam kajian inventori yang dijalankan, rumah milik Hj. Yusof bin Hj. Awal di 195, Batu 19 1/4, Kg. Rim, Melaka mempunyai keunikan sejarah yang tersendiri di mana ianya telah dibina oleh seorang tukang Cina yang baru memeluk agama Islam. Menurut pemilik, semasa membina rumah, tukang tersebut yang merupakan seorang mualaf akan membaca kalimah bismillah setiap kali mengetuk paku dan mengangkat tanah. Hasilnya, rumah ini dibina dengan ribuan kalimah bismillah. Dikatakan oleh kerana inilah rumah tersebut masih mampu bertahan sehingga ke hari ini.



Gambarfoto 3.5 (a) dan (b) rumah Haji Yusof Haji Awal di Kg. Rim, Melaka yang dibina dengan ribuan lafadz bismillah tanda kebesaran kepada Allah s.w.t.

3.6 Ornamentasi

Kesenian merupakan satu perkara yang diharuskan di dalam Islam. Sebelum kedatangan agama Islam, kebanyakan daripada rakyat Melaka menganut agama Hindu/Buddha ataupun mengamalkan anamisme. Ornamentasi pada rumah mereka direkabentuk berdasarkan pemerhatian terhadap alam tanpa ada had serta batasan dalam membuat hiasan pada tempat tinggal mereka. Hasilnya, terdapat ornamen yang diukir pada rumah-rumah yang diilhamkan daripada haiwan-haiwan selain daripada tumbuh-tumbuhan.

Bagaimanapun, setelah agama Islam tersebar di kalangan mereka, hiasan berukir yang berbentuk seperti fauna mula ditinggalkan secara beransur-ansur. Hal ini adalah kerana Islam melarang umatnya membentuk atau menggantung hiasan yang berupa objek hidup. Ianya dibuktikan sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w, “Malaikat (pembawa rahmat) tidak akan masuk ke dalam rumah yang di dalamnya terdapat gambar”.” (Hadis Riwayat al-Bukhari). Selain daripada itu, hadis lain pula menyebutkan bahawa, “Barang siapa membuat gambar dia akan di-azab oleh Allah sehingga dia mampu menghidupkannya dan sesungguhnya dia tidak akan berupaya untuk menghidupkannya”. Seiring dengan perkembangan agama Islam, ornamentasi yang berbentuk menyerupai makhluk hidup mula ditinggalkan dan diganti dengan hiasan yang berbentuk sama ada tumbuh-tumbuhan ataupun motif berbentuk geometri.



Gambarfoto 3.6 (a) Ukiran pada bahagian atas dinding di dalam rumah Demang Abdul Jaafar di Sungai Rambai, Melaka menonjolkan pengaruh Cina – mempunyai ukiran berbentuk burung.



Gambarfoto 3.6 (b) Ukiran berbentuk ikan pada bahagian perabung masih banyak terdapat di rumah-rumah tradisional di Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka. Rumah tradisional yang diwartakan Perzim ini sudah berusia 97 tahun.

Selain daripada itu, antara kesenian yang digalakkan di dalam Islam ialah seni kaligrafi Arab. Perkataan ‘kaligrafi’ adalah berasal bahasa Yunani iaitu *kalios* yang bererti indah dan *graphia* yang bererti tulisan. Sejarah kaligrafi Islam bermula serentak dengan kelahiran Islam. Wahyu yang diterima oleh Rasulullah s.a.w. sejak awal lagi telah dicatatkan oleh para sahabat pada daun kayu, tulang dan sebagainya sehingga Al-Quran itu sempurna diturunkan selama 23 tahun. Kaligrafi Islam ini sangat berkaitan dengan Al-Quran dan hadis kerana sebahagian besar tulisan indah dalam bahasa Arab menampilkan ayat al-Quran atau hadis Nabi Muhammad s.a.w. Tinjauan mendapati terdapat juga rumah tradisional lama seperti rumah milik Salmah milik Md. Johan yang terletak di KM 30, Kg. Sebatu ini yang mempunyai ukiran kaligrafi yang membentuk perkataan Allah dan Muhammad di atas jenang pintu rumah tersebut. Bagaimanapun, ia juga bergantung kepada kemahiran serta pegangan tukang rumah tersebut.



Gambarfoto 3.7 (a) Ukiran pada serambi rumah Salmah bt. Md. Johan di Kg. Sebatu, Jasin banyak menonjolkan ukiran flora sebagai penghias rumah.



Gambarfoto 3.6 (b) Selain daripada ukiran berbentuk flora, rumah Salmah bt. Md. Johan ini juga mempunyai kaligrafi mebentuk perkataan Allah dan Muhammad pada bahagian atas jenang pintu.



Gambarfoto 3.6 (c) Contoh ukiran yang berbentuk geometri pada rumah kajian milik Siti Aisyah Ahmad (1865) yang terletak di 2730 Pekan Nyalas, 77100 Asahan, Melaka.



Gambarfoto 3.6 (d) Contoh ukiran yang berbentuk geometri pada rumah Hjh Rokiah bt Said di Kg. Terentang, Jasin yang sudah berusia lebih 100 tahun.

Kesimpulan

Islam memberi pengaruh yang besar kepada masyarakat dan tamadun Melayu. Proses penyerapan Islam ini berlaku secara berperingkat-peringkat di kalangan masyarakat Melayu yang bermula daripada golongan istana, pembesar sehingga kepada rakyat biasa. Proses islamisasi ini menjadikan masyarakat Melayu akhirnya dapat menerima ajaran Islam dengan baik. Ini kerana keistimewaan ajaran Islam yang sederhana dan tiada paksaan. Dengan berlakunya penyebaran agama Islam ini, ianya telah dijadikan sebagai teras dalam pembinaan tradisi budaya Melayu. Orang-orang Melayu yang menganut Agama Islam menyedari dan memahami nilai-nilai yang telah ditetapkan oleh Islam dan berusaha menyesuaikan warisan tradisi budaya dan kehendak-kehendak Islam. Mereka menekankan usaha memupuk nilai-nilai Islam sebagaimana yang dikehendaki dari satu generasi kepada generasi seterusnya.

Kedatangan Islam bukan sahaja mengubah pegangan hidup masyarakat Melayu, malah telah membentuk cara hidup baru dalam amalan sehari-hari masyarakat. Amalan-amalan Islam yang berunsur tasyul dan khurafat telah ditinggalkan secara beransur-ansur oleh masyarakat Melayu, seterusnya membentuk jenis perumahan yang menepati nilai-nilai yang dikehendaki menurut syariat.

Penghargaan

Rakaman ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada:

PERZIM (Perbadanan Muzium Melaka)

Muzium Islam Melaka, Bandar Hilir.

KALAM (Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu, Universiti Teknologi Malaysia)

Rujukan

Abdul Halim Nasir (1996). The Traditional Malay House (pp 39-46). Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Shah Alam.

Abdullah Ishak (1990). Islam di Nusantara, khususnya di tanah Melayu. Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia, Kuala Lumpur.

Ainuddin Arif (2007). Kajian Terukur Rumah Penghulu Salim. Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM), UTM Skudai, Johor.

Asiah Abdul Rahim (2011). Housing From The Islamic Perspective (pp 35-42). International Islamic University Malaysia, Selangor.

Azhar Hj. Mad Aros (2004). Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Fajar Bakti, Selangor.

Haron Daud (1989). Sejarah Melayu Satu Kajian Daripada Aspek Pensejarahan Budaya. Universiti Utara Malaysia, Kedah.

Mahayudin Hj. Yahaya (1998). Tamadun Islam. Fajar Bakti Sdn. Bhd, Shah Alam.

Rafidah Ismail (2007). Kajian Terukur Rumah Muhammad bin Ahmad. Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM), UTM Skudai, Johor.

Raja Nafida Raja Shahminan (2007). Kajian Tipologi Rumah Kedai Awal Era Belanda Di Bandar Melaka: Sumbangan Kepada Bidang Pemuliharaan Di Malaysia. Thesis Ph.D, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Syed Iskandar Syed Ariffin (2001). Order in Traditional Malay House Form. Thesis Ph.D, Uk : Oxford Brookes University.